

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN KILANG CHUNGHWA PICTURE TUBES (M) SDN. BHD.

TEMPAT: SUBANG HI-TECH INDUSTRIAL PARK BATU TIGA, SHAH ALAM, SELANGOR

TARIKH: 17 DEC 1991

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Pengurusan Chungghwa Picture Tubes (M) Sdn. Bhd. kerana menjemput saya untuk merasmikan pembukaannya hari ini.

2. Saya difahamkan bahawa syarikat Chungghwa mempunyai sebuah kilang lagi di Kampar yang mengeluarkan "colour and monochrome electron guns" dengan pelaburan modal dalam lingkungan \$40 juta ringgit serta memberi pekerjaan kepada 700 orang rakyat tempatan. Di atas usaha-usaha ini saya mengucapkan syabas kepada syarikat ini kerana telah menyahut seruan kerajaan Malaysia supaya menceburi diri dalam bidang keluaran barang-barang berteknologi tinggi. Kesanggupan syarikat ini menempatkan kilang yang melibatkan "input" teknologi canggih di satu kawasan luar dari Lembah Kelang, Pulau Pinang ataupun Johor Bahru juga harus diberi pujian. Ini adalah satu contoh yang harus diteladani oleh pengusaha-pengusaha lain kerana ianya menunjukkan dengan jelas bahawa lokasi sesebuah projek itu tidak seharusnya menjadi faktor utama di dalam menentukan kejayaan. Apa yang lebih penting ialah kesanggupan pekerjaannya untuk mempelajari tugas masing-masing untuk menjayakan usaha itu.

3. Malaysia kini boleh berbangga dengan kejayaannya dalam bidang pembuatan barang-barang elektronik. Ini berasaskan dasar dan usaha-usaha Kerajaan semenjak awal dekad 70an. Sungguhpun demikian dan atas kesedaran bahawa untuk terus maju lagi negara kita harus mengubah haluan selaras dengan arah aliran kehendak pasaran, maka tumpuan yang lebih diberikan sekarang kepada sub-sektor elektrik dan elektronik yang melibatkan input teknologi yang tinggi serta mempunyai nilai ditambah yang lebih besar.

4. Antara barangan keluaran Malaysia yang menguasai pasaran dunia sekarang ialah penghawa dingin bilik atau "room air conditioners", yang mana Malaysia merupakan pengeluar dan pengekspor kedua terbesar di dunia. Saya yakin dengan usaha yang lebih gigih kita akan dapat menduduki tangga teratas sekali tidak lama lagi.

5. Apa yang tidak diketahui umum ialah bahawa Malaysia kini sedang mengorak langkah untuk menjadi pengekspor utama peti televisyen ke pasaran dunia. Hasil usaha gigih syarikat-syarikat pengeluar yang yakin dengan suasana pelaburan negara ini, sejumlah 3.5 juta unit peti televisyen

berbagai jenis bernilai M\$1.4 ribu juta ringgit telah dieksport pada tahun 1990. Saya yakin bahawa dengan rancangan pembesaran keupayaan syarikat-syarikat yang sedia ada serta terlaksananya kelak projek-projek baru, jumlah keluaran negara boleh mencapai 10.5 juta unit, ataupun tiga kali ganda.

6. Apabila ini tercapai sekaligus ia akan membuka peluang pasaran yang besar bagi ketiga-tiga syarikat yang diluluskan untuk mengeluarkan "colour cathode ray tubes", termasuk syarikat Chunghwa Picture Tubes. Di samping itu, ianya akan menggalakkan syarikat-syarikat seumpamanya untuk menempatkan projek mereka di negara kita memandangkan jumlah keupayaan tiga syarikat itu tidak sampai tiga juta unit setahun.

7. Keluaran ini merupakan satu-satunya komponen utama di dalam sebuah peti televisyen kerana pada purata ianya satu pertiga daripada harga "ex-factory" seunit. Oleh kerana "colour cathode ray tubes" adalah keluaran yang agak besar dan mudah pecah, amat wajar sekali kilang pembuatannya ditempatkan berhampiran dengan kilang-kilang pembuatan televisyen. Berdasarkan hakikat ini, sektor ini diramalkan mempunyai masa depan yang cerah di samping menggalakkan aktiviti-aktiviti sampingan seperti "tiub-tiub kaca" dan komponen-komponen persis atau precision. Ini termasuk "shadow masks" dan komponen untuk "electron guns". Saya difahamkan permohonan Syarikat Nippon Electric Glass telah diluluskan untuk mengeluarkan "glass tubes".

8. Kemajuan sedemikianlah yang diharap-harapkan untuk sektor pembuatan negara kita kerana ianya melambangkan kemampuan kita untuk menjadi pembekal utama barang-barang bermutu tinggi. Dengan terlaksananya projek "glass tubes" ini nanti, matlamat kita untuk mengeluarkan televisyen yang boleh dikatakan seratus peratus "Made-in-Malaysia" akan menjadi kenyataan.

9. Sumbangan pelabur-pelabur Taiwan terhadap kemajuan sektor elektrik dan elektronik negara ini adalah besar, khususnya daripada segi merubah struktur industri elektronik. Selain daripada projek "cathode ray tubes" ini, keluaran-keluaran lain yang mula diterokai oleh syarikat Taiwan termasuk "multi-layer PCB", "ferrite cores", komponen-komponen komputer dan alat-alat kawalan keselamatan.

10. Satu aspek yang menarik mengenai pelaburan dari Taiwan ialah majoriti daripadanya adalah sumbangan syarikat-syarikat kecil dan sederhana, berbanding dengan sumbangan oleh gergasi "multinationals" dari Jepun dan Amerika Syarikat. Ini bermakna daripada segi jumlah pelaburan modal dan "input" teknologi, kebanyakan projek tersebut mampu disertai oleh rakyat Malaysia dan secara langsung membuka peluang kepada syarikat-syarikat tempatan mempertingkatkan lagi pencapaian mereka daripada aspek proses pembuatan, pengurusan dan pemasaran. Terpulanglah kepada rakyat Malaysia mengejar teknologi dan memberanikan diri untuk

memasuki bidang yang mempunyai masa depan ini.

11. Sudah lebih dua dekad Kerajaan berusaha untuk menarik pelaburan asing ke negara ini, terutamanya sektor industri, dengan menyediakan berbagai-bagai tarikan seperti galakan-galakan cukai dan juga dasar-dasar ekuiti yang menguntungkan syarikat-syarikat berorientasikan eksport. Berasaskan tahap pencapaian ekonomi kita kini, amat jelas sekali dasar-dasar dan skim galakan tersebut telah berjaya mencapai matlamat asalnya.

12. Namun demikian, sejajar dengan matlamat baru yang dirangka bagi Malaysia menjelang tahun 2020, masanya sudah tiba bagi kita mengkaji serta menilai semula dasar ini. Keutamaan kita ialah memilih jenis pelaburan yang bermodal intensif dan berteknologi tinggi, iaitu kita perlu memasuki era perindustrian yang selektif. Galakan berlebihan yang berterusan akan mengurangkan kecekapan syarikat dan menjejaskan daya saingan di pasaran antarabangsa.

13. Saya difahamkan kajian semula dasar ini telah menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan para pelabur. Ingin saya jelaskan bahawa galakan cukai boleh disamakan sebagai "icing on the cake", Apa yang lebih penting ialah mewujudkan suasana pelaburan yang sihat dengan menentukan bahawa "non tax-incentives" seperti ekonomi yang kukuh; kestabilan politik yang mantap; kerjasama serta persefahaman yang rapat di antara jentera Kerajaan dan pihak sektor swasta dan kedudukan sumber manusia yang selaras dengan kehendak industri. Semua ini terdapat di Malaysia.

14. Oleh yang demikian saya amat sukacita dengan sambutan yang ditunjukkan oleh pelabur-pelabur asing dan juga tempatan yang sentiasa menyokong usaha-usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi kemajuan ekonomi negara ini. Saya boleh memberi jaminan bahawa dasar-dasar yang akan dirumuskan tidak akan dilaksanakan tanpa mengambil kira maklumbalas daripada sektor swasta kerana Kerajaan sedar bahawa sektor swasta merupakan jentera penggerak ekonomi kita ke arah pencapaian matlamat negara untuk menjadi sebuah negara yang bertaraf maju.

15. Pihak Kerajaan juga akan meneruskan usaha-usahanya untuk menyediakan infrastruktur yang cukup termasuk bekalan tenaga manusia yang berpelajaran untuk keperluan sektor industri dengan kerjasama sektor swasta. Di dalam hal ini, Subang Hi-Tech Industrial Park merupakan satu contoh kepekaan sektor korporat tempatan terhadap falsafah "Malaysia Incorporated". Saya juga berharap syarikat-syarikat lain mengikuti langkah Chunghwa Picture Tube dengan mendirikan kilang-kilang mereka di kawasan-kawasan yang kurang maju sebagai "catalyst" kepada perkembangan sektor industri di negara.

16. Akhir kata, saya mengucapkan "selamat maju jaya" kepada pihak pengurusan syarikat Chunghwa Picture Tubes (M) Sdn. Bhd. dengan harapan bahawa ianya akan menyumbangkan lebih

lagi kepada perkembangan sektor elektronik negara kita dan peningkatan pengetahuan teknologi canggih di kalangan pekerja kita.